

26/04/2001

Tiada siapa boleh monopoli Islam, ilmu

ALLAH swt menjadikan manusia sebagai hamba-Nya dan khalifah di bumi. Matlamat penciptaan itu ialah untuk beribadah kepada-Nya dan fungsi sebagai khalifah adalah saluran bagi manusia memenuhi pengertian peribadatan yang menjadi matlamat ia diciptakan itu. Ini, dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran.

Menjadi hamba kepada Allah meningkat dan meninggikan martabat kemanusiaan. Berlainan jika manusia menjadi hamba kepada yang lain daripada Allah swt. Manusia menjadi lebih mulia apabila taraf perhambaan kepada Allah swt meningkat. Tetapi, orang yang menjadi hamba kepada sesama manusia, sama ada kerana dijajah atau sebagainya, dia menjadi makhluk paling hina. Kejayaan manusia menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah, sebenarnya, membawa kepada peningkatan taraf perhambaan dirinya itu.

Tanggungjawab sebagai khalifah itu, bukan sekadar bersembahyang dan berpuasa. Bukan pula sekadar bersedekah dan menunaikan fardu haji. Tetapi, lebih jauh daripada itu ialah menentukan hala tuju kehidupan manusia di dunia dan memastikan sistem Islam itu menjadi sistem dominan yang menguasai kehidupan, umumnya, di bumi ini. "Dialah yang mengutus Rasul-Nya dengan petunjuk dan agama yang benar supaya memastikan kemenangan agama itu ke atas agama seluruhnya."

Allah swt menentukan bahawa ilmu adalah sesuatu kekuatan yang membawa kepada kejayaan dan kebaikan dalam kehidupan makhluknya serta mentakdirkan makhluk yang diberikan keupayaan menerima ilmu itu ialah manusia. Justeru, ayat pertama diturunkan sebagai petunjuk untuk kehidupan ini ialah perintah membaca dengan nama Tuhan yang Maha Pencipta.

Ketika umat Islam memahami perintah ini dan berusaha menguasai ilmu, umat Islam berjaya menguasai dunia dan menentukan arah tujuhnya. Budaya Islam menjadi budaya yang mempengaruhi masyarakat dunia. Umat lain, meniru cara hidup masyarakat Islam. Pelbagai pengaruh zaman kegemilangan Islam masih meninggalkan kesannya sehingga ke hari ini, terutama ilmu pengetahuan. Pengaruh tamadun Islam ke atas tamadun moden hari ini diakui oleh sarjana yang mengkaji sejarah peradaban manusia.

Pengetahuan dalam Islam bukan hanya sekadar maklumat, tetapi penganalisisan dan pengolahan maklumat yang diterima sehingga kebenaran terserlah dan terpancar sinar kebijaksanaan atau hikmah. Hikmah bermaksud memanfaatkan ilmu itu dengan sebaiknya ke tahap membolehkan manusia melaksanakan fungsi sebagai khalifah dan mengarah kehidupannya menuju peningkatan perhambaan dirinya kepada Allah swt.

Apabila wahyu pertama diturunkan dalam bentuk perintah membaca dengan nama Tuhan yang Maha Pencipta, timbul persoalan apakah buku yang hendak dibaca. Apakah sumber yang terpancar daripadanya ilmu pengetahuan yang hanya didapati menerusi pembacaan itu?

Yang hendak dibaca, menurut al-Quran sendiri, bukan hanya wahyu yang diturunkan, tetapi juga alam semesta ini. Alam semesta mestilah dibaca bersama-sama dengan bacaan al-Quran. Daripada petunjuk al-Quran, umat Islam awalan menerima petunjuk supaya alam ini dikaji dan diteliti dan nikmat yang terkandung di dalamnya mestilah dimanfaatkan. Justeru, ia diciptakan untuk kesejahteraan dan kemuliaan manusia sendiri.

Adalah salah jika dikatakan bahawa yang seharusnya dipelajari hanya ilmu daripada sumber al-Quran saja. Justeru alam yang mengandungi pelbagai tanda dan bukti keagungan Allah swt juga wajib dipelajari. Ilmu Sains,

Geografi, Geologi, Fizik, Kimia adalah ilmu Islam sebagaimana fikah, tauhid, ilmu al-Quran dan Sunnah dan cabangnya adalah juga ilmu Islam. Kewajipan mempelajarinya, mengikut martabat ilmu itu dan keperluan terhadapnya. Jika ia menyentuh keperluan individu bagi menunaikan sesuatu yang wajib ke atasnya, ia berada di dalam lingkungan Fardu Ain dan jika menyentuh keperluan ummah bagi menjalankan tanggungjawabnya, ia terletak di dalam lingkungan Fardu Kifayah.

Bagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah saw: "Setiap pekerjaan itu bergantung kepada niat." Tujuan seseorang itu menuntut ilmu menjadikan ilmu yang didapatinya sebagai ilmu agama atau sekular. Ilmu al-Quran, Sunnah dan cabang ilmu syariat yang lain, jika dipelajari untuk tujuan dunia semata-mata dan bukan untuk mencari kebenaran dan mengukuhkan agama, orang yang mempelajarinya adalah sekularis yang tidak mendapat habuan di akhirat. Sebagaimana kata Nabi saw: "Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu untuk Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan habuan dunia atau untuk wanita yang hendak dikahwininya, maka hijrahnya itu untuk tujuan dia mengerjakannya."

Ilmu Sains, Fizik, Kimia, Biologi dan pelbagai cabang ilmu yang dikaji untuk memahami alam semesta ini, jika dipelajari kerana Allah demi melihat kebesarannya dan untuk memanfaatkan nikmatnya demi kebaikan dan untuk menegakkan agama serta memberikan kekuatan untuk kemenangan agama Allah, maka ilmu itu adalah ilmu agama yang memberikan kepada mereka yang menguasainya ganjaran besar di akhirat.

Orientalis yang mempelajari al-Quran dan al-Sunnah untuk tujuan mempersendakan Islam dan memperlekeh Nabi Muhammad saw, apakah mereka ulama akhirat? Bagaimana pula dengan Moris Bokhail yang mempelajari sains dan al-Quran untuk melihat kebenaran, apakah ilmu sains yang dipelajarinya itu ilmu sekular yang tidak menghasilkan apa-apa ganjaran di akhirat? Ulama dunia dan ulama akhirat bukan ditentukan oleh bidang ilmu yang dikajinya, tetapi ditentukan oleh niat seseorang mengkaji dan memilikinya. Bahkan firman Allah yang bermaksud: "Hanya yang takut kepada Allah di kalangan hambanya ialah ulama," merujuk kepada geologis yang mengkaji alam bagi melihat keagungan dan kebesaran Allah.

Imam al-Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin atau Menghidup Kembali Ilmu-Agama, mengkritik ulama pada zamannya kerana berlumba mendalami ilmu fekah, untuk tujuan menjawat jawatan penting dalam pengurusan zakat dan harta wakaf, sedangkan mereka membiarkan ilmu kedokteran dipelajari dan dikuasai orang bukan Islam. Perbuatan dan sikap mereka dianggap salah dan justeru itu memperbaiki sikap ulama dan keutamaan ilmu, termasuk di dalam rancangannya menghidupkan kembali ilmu Islam yang diperjuangkannya.

Jika pada zaman ini, Dr Mahathir mengkritik mereka yang mementingkan ilmu syariat dan mengabaikan ilmu sains dan mengajak mereka berubah sikap dengan memandang bahawa penguasaan ilmu sains dan teknologi itu penting untuk memartabatkan umat Islam, maka seruan itu adalah senada dengan apa yang pernah diperkatakan oleh Imam al-Ghazali.

Dr Mahathir mungkin pernah melakukan kesalahan dan mengeluarkan kenyataan yang salah mengenai sesuatu perkara. Semua orang pun demikian. Kenyataan beliau yang dikatakan salah itu seharusnya diperbetulkan berasaskan ilmu. Bukan dipertikaikan mengikut perasaan dan diwar-warkan untuk memburuk-burukkan beliau tanpa hujah dan alasan. Tetapi, kenyataannya mengenai ilmu yang diucapnya berulang kali di pelbagai forum, seperti yang disebutkan di atas adalah benar dan hendaklah diakui sebagai benar. Hanya orang yang jahil yang berlagak tahu saja yang akan menyanggah apa yang diperkatakan Dr Mahathir itu.

Walaupun siapa saja yang mengutarakan sesuatu fikiran bernas, sepatutnya fikiran itu dikaji dan diteliti dengan mendalam serta disebarakan supaya

fikiran itu dihargai dan diamalkan. Bukan dicemuh dan dicela dengan pelbagai tuduhan dan gelaran semata-mata kerana yang mengutarakannya, tidak berlatar belakang pendidikan agama secara formal dan tradisional.

Agama Islam dan ilmunya bukan boleh dimonopoli oleh sesiapa. Hidayat bukan ditentukan untuk golongan tertentu. Ia adalah petunjuk, ajaran dan peraturan Allah untuk manusia. Sesiapa saja boleh mempelajarinya dan terpulang kepada Allah sama ada hendak mengurniakan petunjuk atau sebaliknya kepada sesiapa saja yang dikehendakinya.

Tidak ada yang lebih bebal daripada mereka yang berhasrat memonopoli ilmu agama dan hanya yang dinyatakan mereka saja dikatakan benar. Yang terkeluar daripada mulut orang lain semuanya salah belaka. Kebebalan seperti ini ibarat ayam jantan berpenyakit yang kokoknya berderai-derai, ekor bergelumang tahi. Semoga Allah swt memberi petunjuk agar terbuka pintu kebenaran untuk dimasuki oleh hambanya yang ikhlas dan bersyukur.